

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (59)
Tarikh : 26 September 2014

**Ketua Pengarang
Tamil Malar**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR TAMIL MALAR BERTAJUK "BUKA
WARGA TUA SAHAJA YANG MENANGIS...!" BERTARIKH 24
SEPTEMBER 2014, RABU – M.S: 3**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh adik – beradik kembar iaitu Encik Arivalagan A/L Ganesan dan Encik Arvindan A/L Ganesan yang tidak dapat mengemukakan kad pengenalan disebabkan taraf kewarganegaraan.

3. Untuk makluman, hasil semakan mendapati sijil kelahiran mereka adalah berstatus Bukan Warganegara Malaysia, kerana tiada bukti perkahwinan ibubapa mereka dikemukakan semasa pendaftaran kelahiran dibuat. Hasil semakan juga mendapati Encik Arivalagan A/L Ganesan dan Encik Arvindan A/L Ganesan pernah mengemukakan permohonan status kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2010 dan pun telah dikeluarkan keputusan pada tahun 2011 di mana permohonan mereka tidak berjaya.

4. Berdasarkan Perkara 14(1)(b) Seksyen 1(a) Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibaca bersama Seksyen 17 Bahagian III Perlembagaan Malaysia menyebut penentuan taraf bagi anak kepada lelaki yang bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan wanita warga asing di mana perkahwinan tidak didaftarkan secara sah mengikut undang – undang Malaysia sebelum anak tersebut dilahirkan adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)